A

PP lwn. CHUNG CHENG SENG & YANG LAIN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHTARUDDIN BAKI HMR
ROHANA YUSUF HMR
AB KARIM AB JALIL H
B
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05-169-06-2014]
20 APRIL 2017

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan oleh pihak pendakwaan – Rayuan terhadap keputusan hakim bicara meminda pertuduhan tertuduh-tertuduh kepada*
C *pertuduhan lebih ringan – Tertuduh-tertuduh dituduh melakukan rompakan berkumpulan dan membunuh – Tertuduh-tertuduh masing-masing bersenjatakan pistol – Mangsa rompakan mendengar bunyi tembakan luar rumah – Si mati dan dua anak peluru dijumpai luar rumah – Sama ada luka tembakan pada badan si mati disebabkan oleh peluru yang dijumpai – Sama ada peluru yang dijumpai*
D *padan dengan pistol yang digunakan oleh mana-mana tertuduh – Sama ada tindakan tertuduh-tertuduh terancang dan sehaluan – Sama ada semua tertuduh sama bertanggungan walaupun seorang tertuduh sahaja yang melepaskan tembakan – Sama ada pembelaan tertuduh-tertuduh berjaya membangkitkan keraguan munasabah – Kanun Keseksaan, ss. 395, 396 & 397*

E Di Mahkamah Tinggi, responden-responden dituduh melakukan rompakan berkumpulan dan membunuh seorang bernama Asril ('si mati'), satu kesalahan bawah s. 396 Kanun Keseksaan. Kejadian berlaku di rumah seorang bernama Ng ('SP5') dan turut berada di dalam rumah ketika itu adalah isteri ('SP7'), adik ipar ('SP8') dan abang ipar SP5 ('SP13').
F Responden kedua telah mengacukan pistol berwarna *chrome* pada SP5. SP7 yang berada di bilik tidur utama disuruh oleh responden pertama agar mengeluarkan semua barang kemas dan berharga. Menurut SP7, semasa diikat oleh responden pertama, dia terdengar bunyi dua das tembakan di luar. SP8 pula mengatakan responden-responden tidak berada di dalam bilik
G tersebut semasa bunyi tembakan tersebut. Setelah berjaya melepaskan diri, SP5 menjumpai mayat si mati di halaman rumahnya. Pihak polis dimaklumkan tentang kejadian ini dan dua butir anak peluru ('E3 dan E4') dijumpai di tempat kejadian. Menurut bedah siasat, punca kematian si mati adalah kesan luka tembakan. Ketiga-tiga responden berjaya ditangkap dan
H ketika serbuan dibuat, sepucuk pistol berwarna *chrome* ('P12A') dijumpai dan P12A berpadanan dengan E3 dan E4. Di Mahkamah Tinggi, responden-responden mengaku melakukan rompakan dan menggunakan senjata api tetapi menafikan membunuh atau mengetahui tentang kematian si mati. Di akhir perbicaraan, Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') mendapati (i) tidak cukup keterangan untuk memanggil responden-responden membela diri; dan
I (ii) pihak pendakwaan gagal membuktikan bahawa kematian si mati

disebabkan oleh E3 dan E4. Hakim Mahkamah Tinggi meminda pertuduhan menjadi kesalahan bawah s. 395/397 Kanun Keseksaan dan responden-responden mengaku bersalah atas pertuduhan pindaan tersebut lalu dijatuhi hukuman penjara 18 tahun dan enam sebatan setiap seorang. Terkilan, pihak pendakwaan merayu ke Mahkamah Rayuan ('Mahkamah Rayuan terdahulu') dan rayuan tersebut dibenarkan. Responden-responden diperintahkan membela diri bawah s. 396 Kanun Keseksaan namun, setelah mendengar kes pembelaan, HMT sekali lagi membuat keputusan yang sama. Maka timbul rayuan ini oleh pihak pendakwaan yang menghujahkan bahawa berdasarkan keterangan langsung dan ikut keadaan saksi-saksi, terbukti bahawa (i) tujuan responden-responden adalah melakukan rompakan berkumpulan dengan bersenjatakan pistol setiap seorang; (ii) responden-responden telah membunuh si mati semasa melakukan rompakan berkumpulan; dan (iii) E3 dan E4 sepadan dengan P12A yang digunakan oleh responden kedua semasa dan selepas kejadian.

Diputuskan (membenarkan rayuan)
Oleh Ab Karim Ab Jalil H menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Mahkamah Rayuan terdahulu telah menerima fakta bahawa E3 dan E4 (i) dilepaskan daripada P12A yang berada dalam milikan responden kedua semasa rompakan dan tangkapan; dan (ii) disahkan sebagai anak-anak peluru yang menembusi badan si mati. Isu ini tidak patut didebatkan semula oleh HMT di akhir perbicaraan. Hakim Mahkamah Tinggi seharusnya mempertimbangkan sama ada pembelaan menimbulkan keraguan munasabah atas kes pendakwaan. Sebaliknya, HMT masih mempersoalkan tentang ketiadaan keterangan yang mengaitkan responden-responden dengan tembakan dan kematian si mati. (perenggan 31 & 32)

(2) Responden kedua mengaku P12A dalam milikannya dan sentiasa bersamanya sejak digunakan semasa rompakan hinggalah dirampas daripadanya oleh pihak polis. SP5, SP8 dan SP13 nampak dengan jelas responden kedua memegang dan mengacukan sepucuk pistol berwarna *chrome*. Tiada apa-apa penjelasan daripada mana-mana responden tentang keterangan ini. Berdasarkan keterangan ikut keadaan, kesimpulan yang tidak dapat dielakkan adalah responden kedua telah melepaskan dua das tembakan menggunakan P12A yang menembusi tubuh si mati dan menyebabkan kematiannya semasa melakukan rompakan berkumpulan tersebut. (perenggan 34)

(3) Tujuan responden-responden adalah untuk merompak dan mereka masing-masing membawa pistol yang, bukan sahaja digunakan untuk menakutkan mangsa-mangsa, bahkan mencederakan dan menembak siapa-siapa sahaja jika perlu. Tindakan mereka terancang dan sehaluan.

Mereka semestinya bersedia menggunakan senjata api dan membunuh semasa melakukan rompakan tersebut. Oleh itu, responden pertama dan ketiga turut bertanggungan walaupun tembakan dilepaskan oleh responden kedua. (perenggan 38)

(4) Hakim Mahkamah Tinggi terkhilaf dan tersalah arah dalam membuat dapatan beliau. Beliau langsung tidak mempertimbangkan keterangan E3 dan E4, P12A, kesan luka tembakan pada tubuh si mati dan pengakuan responden kedua sendiri bahawa P12A sentiasa dengannya. Pembelaan responden-responden hanyalah penafian semata-mata dan rekaan terkemudian. Dipertimbangkan keseluruhannya, pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes bawah s. 396 Kanun Keseksaan tanpa keraguan munasabah. (perenggan 33 & 39)

(5) Keputusan HMT diketepikan. Ketiga-tiga responden didapati bersalah, disabitkan kesalahan s. 396 Kanun Keseksaan dan dijatuhkan hukuman mati. (perenggan 39 & 40)

English *Headnotes*

The respondents were charged at the High Court for committing gang robbery and the murder of one Asril ('the deceased'), an offence under s. 396 of the Penal Code. The episode unfolded at the house of one Ng ('SP5') who was there with his wife ('SP7'), sister in-law ('SP8') and brother in-law ('SP13'). The second respondent had pointed a chrome-coloured gun at SP5. SP7, who was at the master bedroom, was instructed by the first respondent to take out all her jewelries and priced belongings. According to SP7, as she was being tied by the first respondent, she heard two shots being fired outside. SP8, on the other hand, testified that the respondents were not in the room when the gunshots were heard. After SP5 successfully freed himself, he found the deceased's body sprawled on the lawn. The police was informed of the incident and two bullets ('E3 and E4') were found at the crime scene. Based on the post-mortem, the deceased died due to a gunshot wound. The three respondents were successfully caught and during the ambush, a chrome-coloured gun ('P12A') was found and it matched E3 and E4. In the High Court, the respondents admitted to committing armed robbery but denied murdering or having any knowledge of the deceased's death. At the conclusion of the trial, the High Court Judge ('the HCJ') found that (i) there was insufficient evidence to call the respondents to enter their defence; and (ii) the prosecution failed to establish that the deceased's death was caused by E3 and E4. The HCJ amended the charge to one under s. 395/397 of the Penal Code and the respondents pleaded guilty to the amended charge and each one of them were subsequently sentenced to 18 years' imprisonment and six strokes of the whip. Aggrieved, the prosecution appealed to the Court of Appeal ('the previous COA') and the appeal was allowed. The respondents

were ordered to enter their defence under s. 396 of the Penal Code but, having heard the defence case, the HCJ arrived at the same decision. Hence, the present appeal by the prosecution with the submission that based on the direct and circumstantial evidence of the witnesses, it was established that (i) the respondents had the intention of committing gang robbery and they were each armed with a gun; (ii) the respondents killed the deceased during the gang robbery; and (iii) E3 and E4 matched P12A which was used by the second respondent during and after the incident.

Held (allowing appeal)
Per Abdul Karim Abdul Jalil J delivering the judgment of the court:

(1) The previous COA admitted the fact that E3 and E4 were (i) fired from P12A which was in the second respondent's possession during the robbery and when he was caught; and (ii) confirmed to be the bullets which pierced through the deceased's body. This should not have been debated again by the HCJ at the conclusion of the trial. The HCJ should have considered whether the defence raised reasonable doubts on the prosecution's case. Instead, the HCJ still questioned the lack of evidence to implicate the respondents with the shooting and the death of the deceased.

(2) The second respondent admitted that P12A was in his possession and was, at all material times, with him since the robbery until the same was seized by the police. SP5, SP8 and SP13 saw clearly that the second respondent held and pointed a chrome-coloured gun. There was no explanation by any of the respondents on this evidence. Based on the circumstantial evidence, the inevitable inference was that the second respondent fired the shots using P12A which pierced through the deceased's body and caused his death during the gang robbery.

(3) The respondents had intended to commit robbery and they each carried a gun which were not only used to intimidate the victims, but also to injure and shoot anyone if necessary. Their acts were premeditated and concerted. They must have been ready to use firearms and murder while committing the robbery. Therefore, the first and second respondents were equally liable even though it was the second respondent who fired the shots.

(4) The HCJ erred and misdirected himself when arriving at His Lordship's findings. His Lordship did not, at all, consider the evidence of E3 and E4, P12A, the gunshot wounds on the deceased's body and the second respondent's own admission that P12A was with him at all times. The respondents' defence was a mere bare denial and a fictional afterthought. Weighed in totality, the prosecution had successfully established a case under s. 396 of the Penal Code without any reasonable doubt.

(5) The HCJ's decision was set aside. The three respondents were found guilty, convicted for the offence under s. 396 of the Penal Code and were sentenced to death.

Kes-kes yang dirujuk:
Kenneth Fook Mun Lee v. PP [2006] 4 CLJ 359 FC ***(dirujuk)***
Manimaran Amas v. PP & Other Cases [2014] 1 LNS 1412 CA ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
Mohamad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
Mohd Azrin Che Meh lwn. PP [2011] 1 LNS 1304 CA ***(dirujuk)***
Mohd Nazrul Shuhaimi lwn. PP [2014] 1 LNS 1271 CA ***(dirujuk)***
Ouseng Sama-ae v. PP [2010] 6 CLJ 416 CA ***(dirujuk)***
PP v. Saimin & Ors [1971] 1 LNS 115 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Sulaiman Saidin [2010] 1 CLJ 184 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, ss. 300(a), (c), 395, 396, 397

Sumber-sumber yang dirujuk:
Gour's Penal Law Of India, Edisi ke-11, ms 3804, 3863

Bagi pihak pendakwaan - Jean Sharmila Jesudason; TPR
Bagi pihak responden pertama - Ahmad Azim Daniel; T/n Azim Daniel & Assocs
Bagi pihak responden kedua - Muhammad Rafique; T/n Law Practice of Rafique
Bagi pihak responden ketiga - Tina Ong; T/n Sivananthan

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah No: 45-190-2010 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Ab Karim Ab Jalil H:

[1] Ini ialah rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap keputusan YA Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam (hakim bicara) yang telah mendapati kesemua responden bersalah atas pertuduhan pindaan di bawah s. 395 dan dihukum di bawah s. 397 Kanun Keseksaan (Kanun).

[2] Pada asalnya responden pertama, kedua dan ketiga (R1, R2 dan R3 sewajarnya) telah didakwa dengan pertuduhan di bawah s. 396 Kanun. Pertuduhan tersebut mendakwa:

> Bahawa kamu pada 16.08.2009 jam lebih kurang 7.15 pagi, bertempat di No. 22, Jalan Pelanduk Satu, Taman Suntex, Batu 9, Cheras, di dalam daerah Hulu Langat di dalam negeri Selangor Darul Ehsan, telah melakukan rompakan berkumpul bersama 2 orang lagi yang dituduh bersama, dan pada melakukan rompak berkumpul tersebut, telah membunuh Asril bin Sanusi (KPT: 501223-71-5341), dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 396 Kanun Keseksaan.

Bagaimanapun di akhir kes pendakwaan, hakim bicara mendapati tidak cukupnya keterangan untuk memanggil kesemua responden untuk membela diri bagi pertuduhan di bawah s. 396 tersebut. Namun begitu, hakim bicara mendapati satu kes untuk dijawab di bawah s. 395 Kanun telah berjaya dibangkitkan oleh pendakwaan. Setelah pertuduhan dipinda dan diterangkan, kesemua responden telah mengaku bersalah, disabitkan dan seterusnya dijatuhi hukuman pemenjaraan selama 18 tahun dengan enam kali sebatan.

[3] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, Pendakwa Raya telah merayu ke Mahkamah Rayuan. Setelah mendengar penghujahan semua pihak, Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya dan memerintahkan kesemua responden membela diri bagi kesalahan di bawah s. 396 Kanun (pertuduhan asal).

[4] Setelah mendengar kes pembelaan, hakim bicara, di akhir perbicaraan, sekali lagi mendapati pendakwaan masih gagal untuk membuktikan satu kes di bawah s. 396 Kanun. Hakim bicara sekali lagi mendapati adalah selamat untuk kesemua responden disabitkan dengan kesalahan di bawah s. 395/397 Kanun. Kesemua responden sekali lagi mengaku bersalah dan selanjutnya dijatuhi hukuman yang sama sepertimana diperintah di akhir kes pendakwaan dahulu. Terkilan lagi, Pendakwa Raya merayu ke mahkamah ini.

[5] Setelah mendengar penghujahan kedua-dua pihak, kami mendapati rayuan Pendakwa Raya mempunyai merit. Dengan itu, kami telah membenarkan rayuan ini dan mensabitkan kesemua responden di bawah s. 396 dan menjatuhi hukuman mati ke atas mereka. Alasan penuh kami menyusur selepas ini.

Latar Belakang Kes

[6] Secara ringkas, kejadian berlaku di tempat dan alamat sepertimana disebut dalam pertuduhan yang merupakan rumah Ng Wai Hong (SP5), isterinya Chuah Ai Hwa (SP7) dan tiga orang anak mereka. SP5 menjalankan perniagaan ayam (unggas) dan menggunakan rumahnya itu sebagai tempat untuk menyembelih dan membersihkan ayam. Rumah itu mempunyai tiga buah bilik iaitu bilik utama, bilik kedua (bilik anak-anak) dan bilik ketiga (bilik stor). Bagi perniagaan tersebut, SP5 mempunyai empat orang pekerja iaitu adik ipar (Yee Chin Ming, (SP8)), abang ipar (Yu Fook Choy, (SP13)), dan dua orang warga Bangladesh.

[7] Pada 16 Ogos 2009 lebih kurang pukul 7 pagi semasa SP8 sedang bekerja di halaman rumah, dia telah disapa oleh R2 dan R3 dari luar pagar rumah dan bertanyakan sama ada tempat tersebut memerlukan pekerja atau tidak. SP8 menjemput mereka masuk berjumpa bosnya, SP5, untuk pertanyaan tersebut. SP8 melihat R2 masuk ke dalam rumah manakala R3 kekal di luar.

[8] Pada ketika itu, SP5 sedang membuat kerja-kerja mengira di meja (P8A) berdekatan dengan pintu hadapan rumah apabila dia telah didatangi oleh R2. R2 secara bersemuka telah menanyakan soalan yang sama tetapi tidak diendahkan oleh SP5. R2 kemudian mengacukan sepucuk pistol berwarna chrome ke arahnya dan menyuruh SP5, dengan suara yang amat garang, untuk masuk ke dalam rumah.

[9] SP8 melihat kejadian itu dan cuba membantu tetapi dia telah dihalang dan diacukan pistol oleh R3. R3 kemudian menyuruh SP8 masuk juga ke dalam rumah. Dengan diacukan pistol oleh R2 dan R3, kedua-dua SP5 dan SP8 telah masuk ke dalam rumah. Di dalam rumah, kedua-dua SP5 dan SP8 disuruh meniarap ke lantai dan muka menghadap ke bawah. Di sini, SP5 dan SP8 telah dipukul.

[10] SP13 yang ketika itu berada dalam tandas telah mendengar tendangan kuat di pintu tandas menyuruhnya keluar. Setelah menendang pintu tandas itu sehingga terbuka, R2 mengacukan pistol berwarna chrome ke kepala SP13 dan menyuruh dia berkumpul di dewan makan bersama SP5, SP8 dan dua orang lagi pekerja Bangladesh.

[11] Sementara itu, SP7 yang berada di bilik tidur utama telah didatangi oleh R1 yang kemudian mengacukan sepucuk pistol (berwarna gelap) ke kepalanya. SP7 diberitahu oleh R1 bahawa suaminya sedang dirompak dan disuruh mengeluarkan semua barang kemas dan berharga yang ada. Setelah melakukan apa yang disuruh, SP7 telah dibawa masuk ke bilik kedua untuk bersama dengan anak-anaknya. Selain mereka, SP5, SP8 dan SP13 juga telah dikumpulkan di situ dan diikat dengan menggunakan dawai. Setelah mendengar kesemua responden bercakap-cakap, SP7 telah disuruh oleh R1 lagi untuk mengeluarkan semua barang kemas yang ada.

[12] Akur dengan arahan tersebut, SP7 telah pergi ke bilik utama dengan R1. SP7 telah mengeluarkan barang-barang kemas dan menyerahkannya kepada R1. Selepas itu, SP7 telah dibawa kembali ke bilik kedua dan diikat oleh R1. SP7 merupakan orang yang terakhir diikat. Menurut SP7 ketika dia dibawa masuk ke dalam bilik kedua itu R2 dan R3 sudah tiada dalam bilik itu. Semasa R1 sedang mengikatnya, SP7 telah mendengar bunyi dua das tembakan di luar. R1 terus meninggalkan bilik.

[13] Sebelum itu, SP5 mengatakan semasa dia dibawa ke bilik kedua dan diikat, dia hanya menyedari kehadiran R1 dan R3. SP5 bagaimanapun tidak tahu siapa yang berada di dalam bilik tersebut semasa tembakan dilepaskan. Manakala SP8 pula mengatakan semasa SP7 kembali ke bilik kedua dari bilik utama, dia hanya menyedari kehadiran R1 dan R3. Pada masa mendengar bunyi tembakan, SP8 mengatakan hanya mereka (mangsa) yang berada di dalam bilik tersebut. Kesemua responden tiada di situ. SP13 pula mengatakan dia menyedari kesemua responden telah meninggalkan tempat itu setelah diberitahu oleh SP5 lima minit selepas tembakan dilepaskan.

[14] Mereka kemudian dapat melepaskan diri. SP5 telah keluar dari rumah dan mendapati si mati, Asril bin Sanusi, terlentang di atas rumput di halaman rumah. Pihak polis kemudian telah dimaklumkan tentang kejadian tersebut.

[15] SP6, Dr Abdul Karim Tajuddin, pakar perunding kanan patologi dan forensik, mengesahkan punca kematian si mati ialah kesan luka tembakan.

[16] Pada pukul 10.40 pagi selepas kejadian (hari yang sama), pegawai forensik DSP Shahrul Othman bin Mansor (SP15) telah tiba di tempat kejadian dan dalam kehadiran pegawai penyiasat DSP Shafee bin Abdul Samad (SP23) menemukan berdekatan sangkar-sangkar ayam di kawasan penyembelihan dua butir anak peluru (slugs) (E3 & E4 (eks. P45C dan P46C))-(rujuk eks. P116 ms. 645-646 dan rajah kasar ms. 677: Jilid 2E).

[17] Pada 18 Ogos 2009 lebih kurang pukul 3 pagi satu serbuan serentak telah dilakukan oleh sepasukan polis yang diketuai oleh Ketua Inspektor Mohd Said bin Mamat (SP12) dan Ketua Inspektor Mohd Nazaruddin bin Ismail, (SP19) di bilik Ketapang dan bilik Tembasu, Chalet Telok Gorek, Endau, Johor Darul Takzim. R1 dan R2 telah ditangkap di dalam bilik Ketapang, manakala R3 ditangkap di dalam bilik Tembesu. Di bilik Ketapang, telah juga dirampas sebuah beg sandang jenama Aowel Polo yang di dalamnya antara lain ditemukan kad pengenalan R1 dan dua pucuk pistol jenis Glock 19 dan Walther P99C AS bersama-sama kelopak magazin berisi peluru hidup. Selain itu, ditemukan juga beg sandang jenama Hed Green Outdoor Gear mengandungi kad UCare Pharmacy atas nama R2 dan sepucuk pistol jenis Revolver .38 Smith & Wesson berwarna chrome no. Siri 277360-12 (P12A) dengan lima butir peluru hidup. Manakala di bilik Tembusu, telah ditemukan antara lain kad pengenalan R3 dan sepucuk pistol jenis .38 Special Diamond 0.94085.

[18] SP9, Saiful Fazamil bin Mohd Ali, pegawai sains, mengesahkan anak peluru E3 dan E4 (eks. P45C & P46C), berkaliber nominal .38, berpadanan dan dilepaskan oleh pistol P12A (K.11.1).

Dapatan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pendakwaan

[19] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah mendapati pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa kematian si mati disebabkan oleh anak peluru E3 dan E4. Oleh itu tiada keterangan untuk menunjukkan kematian si mati disebabkan oleh ketiga-tiga responden. Menurut hakim bicara:

> However, the Court found that the Prosecution was not able to establish that the death of the deceased Asril Bin Sanusi was caused by the two slugs (E3 and E4) found in the said premises even though it was established that the slugs were found to have been discharged from one of the weapons later found on one of the Accused. The Prosecution was indeed able to establish through the Post Mortem conducted by Dr Abdul Karim bin Tajudin (SP6) that the deceased died of gunshot wounds as stated in the Post Mortem Report (Exhibit P16) and from his oral testimony.

A The two slugs (E3 and E4) were sent for DNA but nothing could link them to the deceased. It was not established that the slugs entered the body of deceased that had six (6) gunshots wounds, three (3) entry wounds and three (3) exit wounds.

Under the circumstances, there was a death but there is no evidence to B show that the death was caused by any of the three (3) accused.

Susulan itu, pertuduhan telah dipinda kepada kesalahan di bawah s. 395/397 Kanun dan kesemua responden telah mengaku salah atas pertuduhan pindaan tersebut. Mereka kemudiannya dijatuhi hukuman penjara 18 tahun dengan enam kali sebatan setiap seorang. (RR ms 4:Jilid 2D).

C **[20]** Terkilan, Pendakwa Raya telah merayu ke Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya dan memerintahkan kesemua responden membela diri atas pertuduhan asal di bawah s. 396 Kanun.

D **Kes Pembelaan**

[21] Ringkasnya, kesemua responden membentangkan pembelaan yang sama iaitu mereka mengaku telah melakukan rompakan terhadap SP5, SP7, SP8 Dan SP13. Bagaimanapun, mereka tidak menyebabkan atau mengetahui tentang kematian si mati. Mereka juga mengakui ada menggunakan senjata E api semasa melakukan rompakan tersebut termasuklah pistol P12A dan P17A.

[22] Kesemua responden juga mengatakan bahawa semasa mereka berada di dalam bilik kedua, mereka telah terdengar bunyi dua das tembakan dan selepas itu mereka terus keluar meninggalkan rumah tempat kejadian. F Mereka tidak melepaskan tembakan itu atau menembak dan menyebabkan kematian si mati.

Dapatan Hakim Bicara Di Akhir Kes Bicara

[23] Di akhir perbicaraan, hakim bicara memutuskan pembelaan telah G berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan di bawah s. 396 Kanun. Dalam penghakimannya, hakim bicara memutuskan:

In this case, the evidence of the Prosecution case through SP5 in the examination in chief is that:

(1) *"Lepas dengar dua das mereka pun beredar …";* dan

H

(2) *"Lepas bunyi tembakan mereka, penjenayah beredar".*

The Prosecution argued that:

(1) The said defence was not advanced during the Prosecution case or at the earliest possible opportunity (ISSUE 1); AND

I

(2) The evidence is not correct as the evidence of the Prosecution showed that only one Accused was in the house when the shots were heard (ISSUE 2).

EVALUATION OF THE DEFENCE

Issue 1

The defence is that all the three (3) Accused were in the house when the two (2) shots were heard. It must be emphasised that:

(1) The evidence tallies with the evidence of the Prosecution especially SP5, so there no necessity to raise it or "advance the defence in the Prosecution Case";

(2) In fact, the evidence of the Prosecution supports the defence; and

(3) The evidence of SP5 and SP8 on this matter is so unclear that it should have been considered to have affected the Prosecution Case.

With the contradiction, in fact, the case of the Prosecution is not water tight that a prima facie case had been made out against the three (3) Accused on the original charge.

In fact the learned Counsel for the Accused 3 (ie, Mr. K.A. Ramu) who represented the Accused 3 at the Court of Appeal informed the court that this pertinent evidence of SP5 was not brought up or raised before the Court of Appeal during the appeal by the Prosecution.

Issue 2

In the evidence of SP5, SP7 and SP13, there are contradictions as to who were in the house when the two (2) shots were heard. *(SP5's evidence is very clear.*

Hence the defences raised by all the three (3) Accused were reasonable, probable and logical and able to cast a reasonable doubt in the Prosecution Case in respect of the charge.

Since all the Accused had admitted to the armed robbery during their examination in chief and the court found that there is evidence to that effect, all three (3) Accused were found guilty of an offence under section 395 of the Penal Code and convicted them. (tekanan ditambah)

Ekoran dapatan di atas, hakim bicara telah meminda pertuduhan kepada kesalahan di bawah s. 395/397 Kanun. Setelah pertuduhan dipinda dan diterangkan, kesemua responden telah mengaku bersalah, disabitkan dan seterusnya dijatuhi hukuman pemenjaraan selama 18 tahun dengan enam kali sebatan.

Rayuan

[24] Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang terpelajar telah mengemukakan tujuh alasan dalam petisyen rayuannya untuk mencabar keputusan hakim bicara. Namun, di hadapan kami dihujahkan hakim bicara telah terkhilaf apabila gagal untuk menghayati (appreciate) dan menilai keseluruhan keterangan yang dengan jelas menunjukkan elemen-elemen kesalahan terutamanya membunuh dan siapakah yang melakukannya telah jelas terbukti.

[25] Secara keseluruhan, TPR menghujahkan bahawa berdasarkan kesan kumulatif semua keterangan, langsung dan ikut keadaan, daripada saksi-saksi pendakwaan terutamanya SP5, SP6, SP7, SP8, SP9, SP12, SP13, SP15 dan eks. P12A serta P45C dan P46C (E3 dan E4), telah dibuktikan:

(a) bahawa tujuan kesemua responden adalah untuk melakukan rompakan berkumpulan dengan bersenjatakan pistol setiap seorang pada tarikh, tempat dan masa sepertimana dalam pertuduhan. Fakta ini bukan sahaja tidak dicabar malahan diakui oleh kesemua responden;

(b) bahawa kesemua responden telah membunuh si mati semasa melakukan rompakan berkumpulan itu di bawah prinsip s. 396 Kanun; dan

(c) bahawa pembunuhan itu dilakukan semasa rompakan, yang menurut SP7, tembakan didengarinya semasa dia sedang diikat.

Tambahan lagi, TPR menegaskan hakim bicara telah dengan nyata terkhilaf apabila tidak mengambil kira keterangan SP9 berkenaan dengan kesepadanan anak-anak peluru (E3 & E4) dengan pistol P12A yang dibuktikan digunakan oleh R2 semasa dan selepas kejadian (semasa ditangkap). Keterangan SP9 ini tidak dicabar. Walaupun telah diterima oleh Mahkamah Rayuan dalam rayuan terdahulu, hakim bicara telah tidak menimbangkan keterangan ini dan oleh itu telah tersalah arah dirinya.

[26] Kesemua peguam terpelajar bagi pihak kesemua responden berhujah atas landasan yang sama. Mereka menyokong sepenuhnya dapatan hakim bicara terutamanya tiadanya keterangan yang jelas untuk mengaitkan tembakan yang membunuh si mati dengan kesemua responden kerana pada masa tembakan dilepaskan kesemua responden berada dalam rumah bersama-sama mangsa. Hakim bicara dihujahkan telah membuat dapatan fakta yang betul apabila memutuskan adanya percanggahan dan lompangan dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan yang terjumlah kepada keraguan yang munasabah. Selaras dengan prinsip dalam kes *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82; [1963] MLJ 263, *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311; [1991] 3 MLJ 169, dan *PP v. Saimin & Ors* [1971] 1 LNS 115; [1971] 2 MLJ 16, dihujahkan keputusan hakim bicara tidak seharusnya diganggu.

Keputusan Kami

[27] Setelah mempertimbangkan penghujahan kesemua pihak serta menghalusi keterangan yang terpahat dalam rekod rayuan, kami berkecenderungan untuk bersetuju dengan penghujahan TPR yang terpelajar. Kami mendapati hakim bicara telah terkhilaf dan tersalah arah dirinya dalam membuat keputusannya yang kini dicabar oleh perayu.

[28] Sebelum menjelaskan alasan kami, wajar sekali diperturunkan peruntukan s. 396 Kanun, kesalahan yang didakwa dalam pertuduhan terhadap kesemua tertuduh. Seksyen 396 memperuntukkan:

> 396. If any one of two or more persons, who are conjointly committing gang-robbery, commits murder in so committing gang-robbery, every one of those persons shall be punished with death or imprisonment for a term which may extend to thirty years, and, where the punishment is not death, shall also be liable to whipping.

"gang robbery" pula telah ditakrifkan sebagaimana yang berikut:

> 391. When two or more persons conjointly commit or attempt to commit a robbery, or where the whole number of persons conjointly committing or attempting to commit a robbery, and of persons present and aiding such commission or attempt, amount to two or more, every person so committing, attempting, or aiding, is said to commit "gang robbery".

[29] Tidak dipertikaikan pendakwaan perlu membuktikan elemen-elemen yang berikut untuk membuktikan pertuduhan terhadap kesemua responden di bawah s. 396, iaitu:

(a) kesemua responden telah melakukan rompakan berkumpulan pada masa, tarikh dan tempat yang didakwa;

(b) salah seorang responden telah melakukan kesalahan bunuh; dan

(c) kesalahan membunuh itu telah dilakukan semasa rompakan berkumpulan itu dilakukan.

Dengan pengakuan kesemua responden, elemen (a) di atas telah dibuktikan. Telah juga diakui bahawa kesemua responden bersenjatakan sepucuk pistol setiap seorang dengan R2 mengakui juga bahawa pistol chrome P12A digunakannya semasa rompakan tersebut. Seperti dinyatakan, di akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah memutuskan pendakwaan telah gagal membuktikan elemen (b) dan (c) dan secara khusus mendapati bahawa walaupun si mati telah mati namun kematian itu bukan disebabkan oleh anak-anak peluru (E3 & E4) yang dijumpai di situ. Seterusnya, walaupun anak-anak peluru tersebut telah dibuktikan dilepaskan daripada salah satu pistol responden, namun anak-anak peluru tersebut tidak dapat dikaitkan dengan si mati. Oleh itu tiada keterangan untuk mengaitkan kesemua responden dengan kematian si mati. Bagaimanapun, dapatan hakim bicara ini diketepikan oleh Mahkamah Rayuan terdahulu. Namun, dalam penghakimannya di akhir perbicaraan hakim bicara masih memutuskan pendakwaan telah gagal membuktikan kes di bawah s. 396 tersebut dan mengatakan *inter alia*:

> With the contradiction, in fact, the case of the Prosecution is not water tight that a *prima facie* case had been made out against the three (3) Accused on the original charge ...

[30] Kami berpendapat pendekatan yang diambil oleh hakim bicara adalah salah dan khilaf. Undang-undang kini telah mantap tentang pendekatan yang harus diambil oleh hakim bicara dalam keadaan tertuduh telah diperintahkan untuk membela diri oleh Mahkamah Rayuan. Prinsip ini telah dijelaskan dalam beberapa kes. Dalam kes *PP lwn. Sulaiman Saidin* [2010] 1 CLJ 184; [2010] 3 MLJ 383 Sulaiman Daud HMR menjelaskan:

> [27] Sebelum merumuskan isu atau isu-isu yang berbangkit dalam rayuan ini, kami mendapati perlu untuk mengulangi bahawa tertuduh telah dipanggil untuk membela diri setelah mahkamah ini, dalam rayuan terdahulu, mengetepikan keputusan hakim bicara di akhir kes pendakwaan. Sehubungan dengan itu, kami mendapati tiada keperluan bagi kami untuk menimbangkan semula isu-isu yang telah diputuskan oleh mahkamah ini terdahulu mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan di akhir kes pendakwaan, kecuali jika terdapat keterangan-keterangan baru yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan yang boleh menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan.

Begitu juga dalam kes *Manimaran Amas v. PP & Other Cases* [2014] 1 LNS 1412; [2015] 1 MLJ 18 telah diputuskan:

> [22] In the course of the submissions, we had sought clarification from learned counsel and it was made clear to us that what we were urged to do was to revisit the decision of the previous panel of this court in calling upon the appellants to enter on their defence.
>
> [23] Whilst the appellants may, when an appeal is pursued further at the Federal Court, argue that the Court of Appeal erred in calling upon the appellants to enter on their defence, we, on our part were in no position to review the said decision of the previous panel of the Court of Appeal. The instant appeal, in our view, should focus on whether the defence had raised a reasonable doubt on the prosecution case.
>
> [25] In the instant appeal, since all the appellants were called upon by the Court of Appeal to enter on their defence, it must necessarily mean that the Court of Appeal was satisfied that the prosecution had proved all the ingredients of the charge, including the element of common intention, before concluding that a *prima facie* case had been made out by the prosecution. There was therefore no necessity for us to revisit the issues on whether a *prima facie* case had been made out. *What we need to consider was whether the evidence from the defence had cast a reasonable doubt on the prosecution's case.* (Tekanan ditambah)

(Rujuk juga: *Ouseng Sama-ae v. PP* [2010] 6 CLJ 416 (MR); *Mohd Azrin Che Meh v. Pendakwa Raya* [2011] 1 LNS 1304 (MR); [2012] 1 MLJ 450; *Mohd Nazrul Shuhaimi lwn. PP* [2014] 1 LNS 1271(MR)).

[31] Begitu juga di sini. Dengan keputusan Mahkamah Rayuan terdahulu itu bermakna Mahkamah Rayuan tersebut telah berpuas hati bahawa pendakwaan telah membuktikan elemen-elemen pertuduhan dan ini termasuklah isu berkenaan dengan anak-anak peluru dan puncanya serta

identiti penembak. Mahkamah Rayuan terdahulu telah menerima fakta bahawa E3 dan E4 dilepaskan daripada pistol chrome P12A, yang berada dalam milikan dan pegangan R2 semasa rompakan dan semasa tangkapan. Telah juga diterima bahawa anak-anak peluru itu adalah daripada dua das tembakan dan yang menembusi badan si mati sepertimana disahkan oleh SP6. Isu ini tidak seharusnya diperdebatkan semula oleh hakim bicara di akhir perbicaraan dan kami juga tidak seharusnya menyemak semula isu ini kecuali dapat ditunjukkan adanya keterangan-keterangan baru yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan yang boleh menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Apa yang harus dilakukan oleh hakim bicara, dan dihujahkan di hadapan kami adalah sama ada keterangan daripada pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Kami berpendapat tiada keterangan baru sedemikian ditimbulkan dan keterangan pembelaan juga telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

[32] Kami berpendapat sedemikian kerana dalam penghakimannya hakim bicara masih mempersoalkan tentang ketiadaan keterangan yang mengaitkan kesemua responden dengan tembakan dan kematian si mati. Hakim bicara berpendapat keterangan saksi-saksi pendakwaan terutamanya SP5, SP7, dan SP13 bercanggah tentang sama ada salah seorang daripada responden-responden telah keluar dan menembak si mati. Ini disebabkan hakim bicara menerima keterangan pembelaan bahawa ketika dua das tembakan didengari kesemua responden masih bersama-sama dengan mangsa di dalam rumah. Hakim bicara berpendapat pembelaan ini berkemungkinan, munasabah dan logikal dan mampu untuk menimbulkan keraguan.

[33] Kami berpendapat dapatan hakim tersebut tidak disokong oleh fakta malahan bertentangan dengan fakta yang telah ditemukan sama ada di akhir kes pendakwaan atau oleh Mahkamah Rayuan terdahulu. Hakim bicara langsung tidak mempertimbangkan keterangan SP9 dan SP6, dan SP12 yang berkaitan dengan anak-anak peluru (E3 dan E4), pistol P12A, kesan luka tembakan di tubuh si mati dan juga pengakuan R2 sendiri berkenaan dengan pistol P12A yang sentiasa dengannya. Semua keterangan ini amat relevan dan mempunyai implikasi kritikal dan pemusnah ke atas dapatan hakim bicara dan pembelaan kesemua responden.

[34] Hakikat anak-anak peluru E3 dan E4 yang menyebabkan luka tembakan pada si mati dan disebabkan oleh tindakan R2 adalah amat jelas sekali. SP6 di ms. 101:RR: Jilid 2A menyatakan:

> Saya simpulkan sebab kematian akibat luka tembak. Pada pemeriksaan saya, saya dapati ada 3 luka tembakan masuk dan 3 luka tembakan keluar dan **tidak ada peluru ditemui dalam badan.** Kemudian saya telah hubungkan luka-luka tersebut. Luka no. 1 berhubungan dengan luka no. 6 melalui kulit dan celah rusuk ... ada dalam ringkasan dan kesimpulan.

A

> Luka no. 2 berhubung dengan luka no. 5 dan luka no. 3 berhubung dengan luka no. 4. Hanya 2 das tembakan sahaja yang menyebabkan luka sebegitu. **Luka no. 1 keluar no. 6, no. 2 keluar no. 5 masuk no. 3 keluar no. 4.** (tekanan ditambah)

Diperhatikan walaupun terdapat enam tembusan, tembusan itu disebabkan
B oleh dua das tembakan sahaja. Hakim bicara seolah-olah berpendapat terdapat lebih daripada dua das tembakan. Seterusnya, peluru yang menembusi tubuh si mati telah dijumpai oleh SP15 (yang kemudiannya diserahkan kepada SP23) dalam bentuk E3 dan E4 di kawasan kejadian (rujuk rajah kasar ms. 677: Jilid 2E). Setelah diuji oleh pakar SP9, dikatakan
C (di ms. 138: Jilid 2B):

> E3 dan E4 saya ada periksa kandungan. E3 berisi sampul surat mengandungi 1 kotak mengandungi satu peluru berkaliber .38 dibungkus dengan kain kasa. E4 berisi sampul surat mengandungi 1 kotak mengandungi satu peluru berkaliber .38 yang dibungkus dengan kain kasa. Pelekat keselamatan E3 dan E4 dalam keadaan baik. Saya telah jalankan
D analisis dan hasil analisa seperti P30.

Selanjutnya:

> Pendapat saya konklusif – para (i) muka surat 2 P30. Saya gunakan microscope untuk membuat perbandingan. 2 peluru diletak bersebelahan
E di bawah microscope- land and groove dan garis-garis halus. E3 dan E4 padanan dengan K.11.1.

R2 mengakui K.11.1 yang merujuk P12A adalah dalam milikannya dan sentiasa bersamanya sejak digunakan semasa rompakan sehingga pistol itu dirampas daripadanya oleh polis pada 18 Ogos 2009. R2 juga dalam
F keterangannya tidak pernah mengatakan pistol itu telah disalah letak atau sebagainya. SP5, SP8 dan SP13 dengan jelas nampak R2 memegang dan mengacukan sepucuk pistol berwarna chrome. Tiada apa-apa penjelasan daripada mana-mana responden tentang keterangan ini. Daripada semua keterangan ikut keadaan di atas, inferens yang tidak dapat dielakkan ialah R2
G telah menembak dua das tembakan menggunakan pistolnya P12A yang kemudian menembusi tubuh si mati dan menyebabkan kematian si mati semasa melakukan rompakan berkumpulan itu. Malangnya, hakim bicara telah gagal mengambil kira dan mempertimbangkan dengan betul keterangan kritikal ini di akhir perbicaraan.

H **[35]** Kami juga mendapati hakim bicara telah gagal untuk mempertimbangkan keterangan-keterangan lain yang bukan sahaja menyokong kes pendakwaan malahan memusnahkan pembelaan yang dikemukakan oleh kesemua responden. Keterangan-keterangan tersebut melibatkan hal perkara yang berikut:

I

(a) Tidak pada bila-bila masa di sepanjang perbicaraan, sama ada di peringkat pendakwaan atau pembelaan, telah dikemukakan apa-apa keterangan tentang penglibatan pihak ketiga yang lain yang melepaskan tembakan dua das itu atau adanya adegan tembak menembak dengan mana-mana pihak termasuk polis. Pihak polis hanya dimaklumkan hanya selepas SP5 dan mangsa yang lain berjaya melepaskan diri. Yang sedang merompak ketika itu dan mempunyai senjata api, tiap-tiap seorang, hanyalah responden-responden. Tidak munasabah untuk mengatakan mereka melarikan diri kerana berpendapat adanya pihak polis di luar atau untuk membuat dapatan bahawa si mati ditembak oleh orang lain dan bukan oleh mana-mana responden. Tambahan lagi, hal perkara ini tidak ditimbulkan atau dicadangkan kepada mana-mana saksi pendakwaan.

(b) Tidak adanya apa-apa percanggahan atau kelompangan dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan tentang siapakah yang berada dalam rumah dan siapa yang menembak dua das tembakan tersebut. Kami bersetuju dengan hujahan TPR bahawa daripada keterangan SP5, SP7, SP8 dan SP13 dapat disimpulkan: keterangan SP7 menyokong SP5 yang mengatakan SP7 dibawa ke bilik seorang diri setelah SP5 diikat; mengenai beberapa orang responden berada dalam bilik ketika tembakan, SP5 secara konsisten mengatakan tidak mengetahuinya kerana dia dalam keadaan meniarap dengan tangan diikat dan pemandangannya dihalang; SP7 merupakan orang terakhir diikat dan telah menyatakan dua das tembakan didengari semasa dia sedang diikat oleh R1. Pada masa itu R2 dan R3 dikatakan telah meninggalkan bilik. Setelah kedengaran dua das tembakan, R1 telah meninggalkan bilik tersebut. Keterangan ini hendaklah dipertimbangkan dengan hakikat tembakan adalah daripada pistol P12A yang sentiasa berada dalam kawalan dan penggunaan R2.

(c) Kesemua responden semasa rompakan bersenjatakan pistol dan bersikap amat garang dan ganas dan telah menyebabkan kecederaan pada mangsa-mangsa berkenaan. Tidak mustahil, malahan satu-satunya inferens bahawa R2 lah yang menembak si mati yang ketika itu datang untuk mengambil kereta SP5 untuk dicuci.

[36] Dipertimbangkan secara keseluruhan, dapatan hakim bicara bukan sahaja bertentangan dengan keterangan yang melimpah malahan bertentangan juga dengan dapatan fakta yang dibuat dan diterima olehnya. Dalam keadaan yang dibentangkan, keraguan yang dikatakan ditimbulkan merupakan satu keraguan yang dibayangkan sahaja dan tidak munasabah (rujuk kes *PP v. Saimin & Ors, supra*). Kami mendapati hakim bicara telah dengan jelas terkhilaf di sini.

[37] Selanjutnya, kami berpendapat terdapat limpahan keterangan untuk membuktikan kesalahan membunuh telah dilakukan semasa rompakan berkumpulan ini dilakukan oleh kesemua responden. Tidak dapat disangkal bahawa tembakan yang dilakukan telah menembusi tubuh dan merobek jantung si mati. Menurut laporan bedah siasat SP6 dalam P16 dinyatakan (ms. 562: Jilid 2E)

> Pendarahan pada dinding dada kiri. Pendarahan dalam kedua-dua rongga dada ... Luka no. 2 telah mematahkan rusuk kiri ke-5 menembusi hujung bawah paru-paru lobe kiri, **masuk ke jantung** dan tembus ke belakang celah rusuk ke-7 pada garis ketiak tengah. (tekanan ditambah)

Kesan daripada luka tembakan tersebut telah menurut SP6 lagi (ms. 563: Jilid 2E):

> ... Mati serta-merta kerana mengenai jantung ... Oleh itu, saya simpulkan bahawa kematian disebabkan oleh luka tembak. (tekanan ditambah)

Berdasarkan keterangan ikut keadaan yang amat kuat dalam kes ini, sesiapa jua yang melakukan tindakan ini, di sini R2, dengan menggunakan senjata yang amat padah ini, pistol P12A, dan bencana tubuh yang diakibatkan, sudah semestinya melakukan tindakan itu dengan niat untuk menyebabkan kematian si mati. Kami juga mendapati dengan tembakan tersebut R2 berniat untuk menyebabkan bencana tubuh yang dikenakan ke atas si mati itu dan bencana tubuh tersebut pada lazimnya mencukupi untuk menyebabkan kematian. Pada penghakiman kami, kehendak s. 300 cabang (a) dan (c) Kanun jelas terpakai dan terbukti. (Rujuk kes *Kenneth Fook Mun Lee v. PP* [2006] 4 CLJ 359).

[38] Mengenai kebertanggungan kesemua responden akibat daripada perbuatan membunuh oleh salah seorang daripada mereka, *Gour's Penal Law Of India*, Edisi ke-11, di ms. 3804 menyatakan:

> The word "conjointly" in the section is the most important word bearing on the liability of persons accused of an offence of dacoity. While it may be true to say that common intention is no part of the offence of dacoity, the word "conjointly" used in the section manifestly refers to the united or concerted action of the persons participating in the transaction.

Selanjutnya di ms. 3863 dikatakan lagi:

> 3.Scope.- Dacoity is the joint act of the persons concerned and the essence of an offence under Sec. 396 is murder committed in commission of the dacoity. It does not matter whether the murder is committed in the immediate presence of a particular person or persons. It is not even necessary that murder should have been within the previous contemplation of the perpetrators of the crime. As was observed by Chief Justice Rankin in the case of *Monoranjan Bhattacharya v. Emperor*, that "where a dacoity was being perpetrated with the use of revolver or dagger,

> there is no reason why it should not be taken that every one of the persons who came to the place was prepared to commit murder if necessary in prosecution of the dacoity. Obviously the murder was committed by one of the miscreants in order to facilitate his own escape and the escape of his fellow collaborators of the crime". The learned Chief Justice further observed, "in a dacoity it is necessary not only that a dacoit should get the booty away but he should get away with the booty."

Berdasarkan keterangan ikut keadaan yang kuat di sini, tidak dinafikan tujuan kesemua responden adalah untuk merompak dan tidak disangkal bahawa mereka masing-masing membawa senjata pistol yang digunakan bukan sahaja untuk menakutkan mangsa-mangsa malahan mencederakan dan menembak sesiapa jua, jika perlu. Tindakan mereka semuanya terancang dan sehaluan (concerted). Mereka semestinya bersedia untuk menggunakan senjata api itu dan membunuh semasa melakukan rompakan berkumpulan itu. Kami mendapati itulah yang dilakukan oleh mereka dalam kes ini. Selaras dengan prinsip di atas, kesemua responden bertanggungan walaupun tembakan itu telah dilakukan oleh R2.

[39] Berdasarkan alasan-alasan di atas kami mendapati hakim bicara telah terkhilaf dan telah tersalah arah diri dalam membuat dapatannya. Kami mendapati pembelaan kesemua responden hanyalah penafian semata-mata dan juga rekaan terkemudian. Dipertimbangkan secara keseluruhan kami mendapati pendakwaan telah berjaya membuktikan kes di bawah s. 396 Kanun tanpa keraguan yang munasabah. Kami dengan itu mengetepikan keputusan hakim bicara dan mendapati kesemua responden bersalah dan disabitkan dengan kesalahan sepertimana yang dipertuduhkan.

[40] Setelah membuat keputusan tentang sabitan terhadap ketiga-tiga responden, kami mendengar hujahan peguam responden tentang hukuman yang wajar kami kenakan. Setelah menimbangkan penghujahan kesemua pihak dan keadaan fakta kes ini, kami mendapati kesalahan yang dilakukan adalah amat serius dengan kekejaman pada tahap tertinggi sehingga menyebabkan kehilangan jiwa yang tidak berdosa. Kesemua responden menggunakan senjata api pelbagai jenis dan dengan sikap bengis yang ditunjukkan semasa rompakan tersebut, kepentingan awam menghendaki kami menjalankan peranan kami untuk melindungi masyarakat daripada orang sebegini. Atas dasar ini, kes ini amat sesuai dikenakan hukuman mati. Dengan itu, kami menjatuhi hukuman mati ke atas kesemua responden.